

29 MAR 2001

Najib-Rumah (Bergambar)

TUJUH KAWASAN DI LEMBAH KLANG DIKENAL PASTI UNTUK BINA RUMAH TENTERA

SUBANG, 29 Mac (Bernama) -- Kementerian Pertahanan mengenal pasti tujuh kawasan di sekitar Lembah Klang bagi pembinaan sebanyak 6,963 unit rumah anggota tentera pelbagai pangkat yang bernilai RM1.5 bilion.

Menteri berkenaan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pembinaan rumah berkenaan adalah ekoran daripada pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Selasa lepas mengenai pakej merangsang ekonomi negara bagi menangani kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

"Ia akan dimulakan secepat mungkin... Pelan juga hampir siap dan projek ini hendaklah disegerakan," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada rombongan jawatankuasa Tabung Ehsan Kemboja ke Kemboja di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Tujuh lokasi berkenaan ialah di Kem Kementah seluas 29.4 hektar, Kem Pasifik di Jalan Ampang (5.4 hektar), Kem Sungai Besi (18.6 hektar), Kem Wardieburn (22.3 hektar), TUDM Subang (32.2 hektar), Jalan Cochrane (3.24 hektar) dan Jalan U Thant (4.86 hektar).

Pecahan rumah mengikut lokasi pula ialah 1,846 unit dibina di Kem Kementah, Kem Wardieburn (948), Kem Pasifik (834), Kem Sungai Besi (1,479), TUDM Subang (660), Jalan Cochrane (560) dan Jalan U Thant (636).

Najib berkata Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) secara usaha sama dengan ekuiti masing-masing 51 peratus dan 49 peratus, bertanggungjawab melaksanakan projek itu.

Beliau berkata projek itu membabitkan pembinaan pelbagai jenis rumah seperti rumah pangsa empat tingkat, banglo, banglo dua tingkat dan rumah berkembar dua.

Daripada jumlah keseluruhan nilai projek itu, sebanyak RM400 juta akan dibelanjakan tahun ini.

Sementara itu, 20 anggota rombongan Tabung Ehsan Kemboja itu membawa bersama-sama mereka 500 kotak barangan seberat empat tan yang mengandungi pakaian, makanan, ubat-ubatan, naskhah Al-Quran dan Surah Yasin, buku dan majalah untuk didermakan kepada kira-kira 10,000 masyarakat Islam Champa.

Pengerusi tabung berkenaan Dr Norraesah Mohamad berkata lebih RM100,000 yang dikumpul menerusi derma orang ramai sejak pelancaran tabung itu pada Mei lepas, akan turut disumbangkan kepada masyarakat berkenaan.

Rombongan yang turut disertai lapan wakil media tempatan, berlepas kenegara berkenaan menggunakan pesawat C 130 H.

Rombongan itu dijadualkan melawat Kampung Chenang, Kampung Cham dan Kampung Chuchinghwa yang berdekatan Phnom Penh, ibu negeri Kemboja, sebelum pulang Ahad ini.

-- BERNAMA

SHS HS LAT